

30/09/2001

Pekerja McDonald's sambut cabaran

PETALING JAYA: Enam pekerja McDonald's Malaysia sudah bersiap sedia menyahut cabaran dalam pertandingan peringkat akhir di Bangkok, 13 Disember ini yang turut disertai peserta Asia Pasifik, Timur Tengah dan Afrika Selatan.

Norhayati Shoib, 41 seorang daripada enam krew McDonald's Malaysia yang meraih gelaran `terbaik antara terbaik' dalam pusingan akhir Pertandingan Krew Olimpik McDonald's 2001 baru-baru ini berjanji akan mengharumkan nama McDonald's Malaysia.

Selain Norhayati, lima krew lain ialah Syed Mahathir Syed Mahadzar, Fauzi Mat Isa, Aryatie Zyaniel, Haryati Salleh dan Shabeena Mohd Ali. Masing-masing menerima wang tunai RM500, pingat dan jaket.

Pertandingan Krew Olimpik McDonald's membabitkan pelatih yang dedikasi dalam usaha mencapai mutu McDonald's yang tinggi melalui beberapa kriteria iaitu kualiti, perkhidmatan dan kebersihan di samping memberi pelanggan pengalaman restoran terbaik.

Pengarah Urusan dan Rakan Niaga McDonald's Malaysia, Mohamed Shah Abdul Kadir, berkata pertandingan ini juga bertujuan menghargai krew McDonald's dan memastikan mereka bergembira dengan kegiatan di restoran sebagaimana pelanggan menghargai dan berpuasa hati dengan produk dan perkhidmatan di McDonald's.

"Fokus pertandingan kami bukan hanya melatih pekerja bagi memahirkan mereka dengan dasar dan prosedur operasi tetapi kefahaman yang mendalam mengenai prinsip McDonald's yang menitikberatkan kualiti makanan, kepantasan dan perkhidmatan cekap dalam persekitaran yang menarik, bersih dan nilai wang," katanya.

Pertandingan Krew Olimpik yang menjadi sebahagian acara tahunan McDonald's ini terbahagi kepada empat pusingan. Bermula dengan pertandingan di peringkat restoran, ia diteruskan ke peringkat cawangan sebelum ke peringkat akhir.

Ia dibahagikan kepada lima kategori - lobi, bun, memanggang, kentang goreng dan kaunter.

Seorang lagi pemenang, Shabeena Mohd Ali berkata, pertandingan seperti ini menambah kemahiran dan juga mengeratkan hubungan sesama kakitangan.

"Saya seronok bekerja di sini, kami ibarat adik beradik dan hubungan erat ini menambahkan lagi motivasi untuk bekerja," katanya.

Turut serta di majlis yang diadaka di Hotel Hilton Petaling Jaya ialah dua atlit negara iaitu pemain hoki kebangsaan, Keevan Raj dan ratu bowling negara, Shalin Zulkifli.

(END)